



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 APRIL 2017

## Agenda politik Kit Siang, Dr. Mahathir rugikan rakyat

UM - 13/4/2017

**PULAU PINANG 11 April** - Agenda politik Lim Kit Siang dan Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan hanya merugikan rakyat kerana kedua-dua pemimpin veteran berkenaan mempunyai hala tuju sama iaitu untuk mendapatkan sokongan bagi memastikan 'legasi' mereka terus berkuasa.

Naib Presiden Parti Alternatif Rakyat (PAP), Rahmad Isahak berkata, percaturan politik itu amat berbahaya kepada kestabilan negara selain membelakangkan kuasa undi rakyat untuk memilih pentadbiran negara yang berkesan.

Disebabkan itu juga kata beliau, Kit Siang sehingga kini berdiam diri dengan kritikan pelbagai pihak yang melabel beliau

sebagai pemimpin diktator dalam DAP selain memperguna pengundi Melayu untuk mengukuhkan legasi kekuasaan politiknya.

"Ini juga menjelaskan mengapa beliau sehingga kini tidak berani menyahut cabaran debat yang dilontarkan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim meskipun selepas beberapa kali dide-

sak berbuat demikian.

"Beliau dilihat seolah-olah takut berdepan realiti bagi membersihkan maruah apabila gagal menyahut cabaran Tunku Abdul Aziz yang membangkitkan isu kepimpinannya yang bersifat diktator serta anti-Melayu dan Islam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



**RAHMAD ISAHAK**